



شجاعۃ فشارہ تانہ دان کالین ترگکانو.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,
TINGKAT 7 & 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU,
TERENGGANU.

81
Telefon: 09-6231957 samb. 2700 - 2706
3100 - 3114
Fax : 09-6229887

PTG.TR. G/05/1988/06/02 - (61)

25 Mac 1997
16 Z.Kaedah 1417

Semua Pentadbir Tanah
Negeri Terengganu.

Y.Bhg. Dato'/Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 7/1997

KEBENARAN KELULUSAN GADAIAN KEPADA PENERIMA GADAIAN YANG SAMA UNTUK BEBERAPA KEKERAPAN

1. TUJUAN:

Arahan ini bertujuan memperjelaskan keadaan tentang perlukah kebenaran sekatan kepentingan diperolehi sekali lagi walaupun institusi kewangan ataupun agensi yang sama akan memegang gadaian kali kedua, ketiga dan seterusnya di atas tanah yang sama.

2. LATARBELAKANG:

- 2.1 Sekatan Kepentingan dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi mengawal kegiatan urusniaga sesuatu bidang tanah. Perkara ini boleh dilaksanakan mengikut Seksyen 120 Kanun Tanah Negara 1965. Ia juga telah diamalkan mengikut Enakmen Tanah. 1357 di bawah perkara 'Syarat Khas'.
- 2.2 Seterusnya bagi menyeiaraskan penggunaan Sekatan Kepentingan melalui Arahan Pengarah Tanah dan Galian Terengganu Bii. 2/1996 yang telah dikeluarkan.

Sila nyatakan rujukan kita apabila menjawab.

2.3 Walaubagaimanapun, pemilik tanah boleh meminta kebenaran untuk melaksanakan urusniaga ke atas tanah miliknya. Oleh yang demikian, Pentadbir-Pentadbir Tanah akan sentiasa menerima permohonan untuk menggadai tanah daripada pemilik/tuan tanah kepada institusi kewangan atau agensi tertentu bagi menjamin sejumlah pinjaman wang yang didahulukan kepada mereka. Gadaian juga boleh dibuat beberapa kali kepada penerima gadaian yang sama samada sebagai gadaian kedua, ketiga dan seterusnya.

3. KUASA DAN PEMEROSESAN PERMOHONAN:

3.1. PEMEROSESAN:

- a) Pengarah Tanah dan Galian serta Pentadbir-Pentadbir Tanah bolehlah meluluskan semula mana-mana permohonan gadaian kepada penerima gadaian yang sama bagi tanah yang sama dengan syarat gadaian berdaftar samada pertama, kedua dan seterusnya belum dilepaskan.
- b) Sebagai contohnya, kelulusan yang pernah diberikan kepada Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) Cawangan Kuala Terengganu dahulu boleh diluluskan terus seandainya tanah yang sama dipohon lagi untuk mendapat kebenaran gadaian baik sebagai gadaian kedua, ketiga dan seterusnya.
- c) Dengan keputusan ini, Pentadbir Tanah tidak perlu lagi mengangkat kebenaran memproses sekatan kepentingan kepada Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.

3.2 BAYARAN:

Bayaran bagi permohonan kebenaran gadaian kali kedua, ketiga dan seterusnya dikenakan seperti permohonan baru mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966.

4. **PEMANSUHAN:**

Pengeluaran arahan ini membatalkan Arahan PTG/TR. Bil. 1/1992.


5. **TARIKH KUATKUASA:**

Arahan ini hendaklah dikuatkuasakan mulai dari tarikh pengeluarannya.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' RAKNA BIJAYA)

Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

s.k.

1. Yang Berhormat,
Setiausaha Kerajaan,
Terengganu.
2. Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.
Kuala Lumpur.
3. Timbalan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.
4. Penolong Pengarah Tanah dan Galian. (Pentadbiran & Latihan).
5. Penolong Pengarah Tanah dan Galian, (Pentadbiran Tanah).

6. Penolong Pengarah Tanah dan Galian, (Pembangunan Tanah).
7. Penolong Pengarah Tanah dan Galian, (Teknologi Maklumat).
8. Penolong Pengarah Tanah dan Galian, (Kuatkuasa).
9. Fail Timbul.

MBM/araptg897.